

04 DEC 1997

MAHATHIR SEKALI LAGI MENGATAKAN MANIPULATOR SEBABKAN KRISIS MATA WANG

LANGKAWI, 4 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan sekali lagi bahawa manipulator-manipulator mata wang yang telah menyebabkan krisis mata wang serantau dan menolak dakwaan bahawa ia semata-mata disebabkan kelemahan dalam struktur ekonomi.

"Saya mendapatinya sukar untuk bersetuju (terhadap dakwaan-dakwaan itu) kerana pencapaian kita baik sehingga mereka (spekulator-spekulator) memasuki pasaran," beliau menjawab pertanyaan pemberita ketika melawat segmen bahagian udara di Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) '97.

"Semua pasaran berjalan dengan baik sehinggalah mereka (spekulator) mulai menekan nilai mata wang turun, termasuk ringgit," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengakui bahawa jika manipulator itu tidak masuk, negara-negara di rantau ini akan masih mempunyai masalah mereka tetapi "ia tidaklah seburuk ini."

Apabila ditanya mengenai pakej Tabung Kewangan Antarabangsa untuk Korea Selatan, katanya terserah kepada negara itu untuk menyelesaikan masalah itu.

"Kita akan lihat bagaimana pakej IMF akan membantu Korea Selatan," katanya. -- BERNAMA

SB OS RON